

## Persepsi Terhadap Penurunan Had Umur Mengundi Daripada 21 Tahun Kepada 18 Tahun: Kajian Kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil

*Perceptions of Decreasing Voting Age From 21 Years to 18 Years: A Case Study of State  
Legislative Assembly of Dengkil*

Khairunisa'a Mohamad Noor  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Correspondence email:<sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Pilihan raya adalah elemen penting dalam sistem demokrasi bagi sesebuah negara yang merdeka. Pengundi mempunyai kriteria calon yang mereka akan pilih di samping ideologi politik yang dianuti oleh calon. Generasi muda merupakan golongan yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku dan budaya politik yang bersikap kritis dan ingin tahu dengan lebih lanjut terhadap sesuatu isu dan mementingkan ketelusan dan integriti. Oleh itu adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis pandangan terhadap penurunan had umur 18 tahun di kawasan DUN Dengkil. Kaedah kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan 100 responden di DUN Dengkil manakala kaedah kualitatif pula melibatkan temu bual bersemuka terhadap 10 orang informan yang terdiri daripada ahli politik, pemimpin setempat, aktivis sosial dan orang awam. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan program statistik SPSS. Hasil kajian mendapati responden menyambut baik penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun. Kadar literasi politik dalam kalangan golongan muda juga adalah baik sama ada dari dimensi idea atau institusi melalui pengetahuan tentang konsep politik dan pentadbiran serta penguasaan dalam isu-isu politik setempat dan nasional. Kajian ini telah membawa pengukuhan kepada konsep literasi politik yang akan mempengaruhi partisipasi masyarakat ke dalam politik dengan lebih matang dan rasional.*

**Kata kunci:** Pilihan raya, pengundi, generasi muda, budaya politik, integriti

### ABSTRACT

*Elections are an important element in the democratic system of an independent nation. Voters have the criteria they will choose as well as the political ideology the candidate holds. The younger generation is a group of people who have characteristics of political behavior culture who are critical and who want to know more about an issue and are concerned about transparency and integrity. It is therefore, the purpose of this study to analyze the views on the decline of the 18-year age limit in the Dengkil state constituency. The quantitative method used questionnaire instruments involving 100 respondents in the Dengkil state assembly while the qualitative method involved face-to-face interviews with 10 informants comprising politicians, local leaders, social activists and the general public. The obtained data were analyzed using the SPSS statistics program. The results showed that*

*respondents favorably agreed of reducing the voting-age limit to 18 years. The level of political literacy among young people is good either from the dimension of ideas or institutions through knowledge of political and administrative concepts as well as mastery of local and national political issues. This study has led to a strengthening of the concept of political literacy that will influence people's participation in politics more matured and rationally.*

**Keywords:** Elections, voters, the younger generation, political culture, integrity

## 1. Pengenalan

Pilihan raya adalah elemen penting dalam sistem demokrasi bagi sesebuah negara yang merdeka. Ia merupakan satu proses yang membolehkan rakyat memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk kerajaan. Setiap kali berlangsungnya pilihan raya, parti politik yang bertanding akan meletakkan calon yang terbaik untuk memastikan ianya menjadi pilihan pengundi. Pengundi pula mempunyai kriteria calon yang mereka akan pilih di samping ideologi politik yang dianuti oleh calon. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Demokrasi berparlimen di Malaysia menetapkan hanya parti politik yang sah dan mencapai kemenangan dalam pilihan raya umum yang diadakan lima tahun sekali akan menduduki parlimen dan menjalankan pemerintahan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pilihan Raya umum ialah satu kaedah dimana undian rakyat digunakan untuk memilih calon yang dipilih dalam pilihan raya akan memenuhi jawatan penggubal undang-undang, perundangan dan Kerajaan Tempatan.

Generasi muda atau belia merupakan golongan atau kelompok yang terbesar dalam masyarakat kita hari ini yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku dan budaya yang tertentu. Kedudukan, peranan dan penglibatan mereka dalam banyak hal bergantung kepada suasana, struktur serta sistem kehidupan masyarakat itu (Hussain 1997). Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada golongan muda pada masa kini. Mereka ini adalah merupakan golongan yang akan menentukan jatuh atau banggunya parti politik dan pimpinan di negara ini. Penglibatan dan penyertaan mereka dalam pilihan raya amat diperlukan bagi memilih parti yang bakal memerintah negara.

Pasca PRU 2018 menyaksikan Kerajaan PH telah mengubal undang-undang di Parlimen untuk menurunkan had umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun dan berjaya mendapat sokongan daripada ahli Parlimen termasuk daripada parti pembangkang iaitu BN dan PAS. Hal ini menimbulkan pelbagai polemik dari segi penerimaan dan kesediaan remaja yang berumur 18 tahun tersebut untuk berpartisipasi dalam politik pilihan raya, kematangan mereka dalam membuat keputusan politik, pertambahan jumlah pemilih, peningkatan kos pengendalian pilihan raya, pertambahan kakitangan pengurusan pilihan raya serta kesesuaian logistik dan pelbagai lagi implikasi lain yang bakal dihadapi hasil daripada penguatkuasaan had umur 18 tahun ini. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji persepsi golongan muda terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

## 2. Tinjauan Literatur

Perbincangan tentang literasi politik atau kefahaman politik bukanlah satu topik yang baharu. Malah telah banyak karya yang ditulis dan diwacanakan oleh pengkaji terdahulu baik diluar negara atau dalam negara dalam membincangkan perihal tersebut daripada pelbagai sudut dan perspektif. Justeru pada ruangan ini akan disorot karya yang telah memperkayakan wacana tentang literasi politik sebagai rujukan penting dalam merealisasikan kajian ini.

Kajian tentang literasi politik tidak dapat dipisahkan daripada entiti warganegara kerana warganegara adalah subjek utama dalam mencapai objektif daripada literasi politik ini. Sebagaimana yang telah (Hands 1992) bincangkan dalam bukunya *Issues and Controversies in British Electoral Behaviour*, literasi politik adalah pengetahuan dan pemahaman tentang proses politik dan isu politik, sesuatu pemahaman dan pengetahuan yang memungkinkan setiap warganegara dalam sesebuah negara menjalankan peranannya sebagai seorang warganegara. Peranan ini termasuklah apa yang disebutkan sebagai *political expertise* dan *political awareness*, yang membawa maksud sejauhmana seseorang warganegara itu mengambil tahu dan memahami situasi semasa politik dalam sesebuah negara tersebut. Justeru Hands dengan jelas menerangkan bahawa peranan sebagai seorang warganegara dalam menjalankan tanggungjawab kewarganegaraan dalam wilayah yang diduduki mereka hanya akan dapat dibentuk melalui literasi politik.

Kajian oleh Carol A. Cassel & Cella C. Lo (1997) menyatakan literasi politik tidak boleh diukur secara langsung, tetapi menganggap jika rakyat celik politik, mereka memahami perbezaan parti dan mengetahui konsep dan fakta politik asas. Nama lain untuk konsep ini termasuk kepakaran politik, kesedaran politik, dan kecekapan sivik. Pengkaji menyimpulkan bahawa penggerak kognitif mempunyai kesan terbesar ke atas celik politik, diikuti oleh peranan struktur yang adil.

Begitu juga Bernard Crick (2000) di dalam bukunya *Essays on Citizenship* menjelaskan literasi politik adalah pemahaman tentang konsep yang diambil dalam kehidupan seharian oleh warganegara. Malah buku ini juga telah menerangkan peri penting warganegara dalam menyeimbangkan kehidupan yang disifatkannya tidak selalunya produktif kerana wujudnya elemen kesenangan (leisure) dan juga elemen budaya. Namun ia akan dapat juga diseimbangkan dengan warganegara yang aktif dan ia hanya akan dibentuk melalui saluran pendidikan.

Begitu juga tidak kurang kajian yang telah dijalankan terhadap kumpulan sasar seperti orang muda. Kajian oleh Robert & Alan (2002) mendapati bahawa kajian literasi politik belia dan gerakan aktivisme adalah usaha yang kompleks. Pemahaman yang lebih jelas tentang apa yang kita ketahui mengenai politik dan bagaimana kita boleh menghubungkan pengetahuan itu kepada penglibatan sivik adalah sangat penting. Perkara yang penting untuk pemahaman ini adalah kesedaran dan perhatian daripada ahli sains politik kepada psikologi perkembangan dan teori proses pembelajaran. Dengan itu, kita boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat mengenai standard pendidikan sivik dan pengertian masyarakat untuk belia dan sepanjang kitaran hayat.

Dalam artikel bertajuk *Breakthrough to political literacy: political education, antiracist teaching and the primary school* oleh Carrington & Short (2006) menjelaskan bagaimana fenomena melawan rasisme di semua peringkat baik individu atau institusi perlu digembeling melalui peranan yang aktif oleh sekolah dan menifestasi melawan rasisme ini juga perlu diangkat melalui sistem pembelajaran yang mendokong program pendidikan politik liberal demokrat yang lebih luas. Hal ini menjelaskan bagaimana pendidikan perlu menjadi wahana penting dalam menerapkan kefahaman kepada warganegara dalam mengangkat keadilan sosial dalam negara demokrasi yang menjamin keharmonian dan keadilan bersama.

Wacana literasi politik juga bukan hanya sekadar teoritis mahupun konseptual sahaja, malah analisa terhadap kumpulan sasar tertentu tentang sejauh mana menerima kefahaman politik ini juga telah banyak dikaji. Kumpulan sasar di sini meliputi elemen geografi iaitu kumpulan sosial yang mendiami atau tinggal di sesuatu kawasan dan juga meliputi golongan berdasarkan status, gender mahupun umur. Sharer (2007) dalam bukunya *Vote and Voice: Women's Organizations and Political Literacy, 1915-1930* telah mengkaji amalan retorik dan

pedagogi terhadap dua pertubuhan penting era pasca *suffrage* (kelayakan wanita diberi hak untuk mengundi dalam pilihan raya) iaitu League of Women Voters dan Women's International League for Peace and Freedom yang dengan lantang mencabar dominasi lelaki dalam wacana politik serta melatih para wanita sebagai pemidato yang hebat. Hal ini menjelaskan buku ini telah mewacanakan literasi politik dari perspektif kumpulan sasaran berasaskan gender iaitu wanita dalam suatu lingkungan masa tertentu dan pada tempat yang tertentu dalam konteks ini dua pertubuhan tersebut.

Sebagaimana yang telah dibahasakan dalam buku *Doing Democracy: Striving for Political Literacy and Social Justice* yang telah disunting oleh Lund (2008), himpunan esei dalam buku ini secara teoritis dan konseptualnya telah memberikan keyakinan bahawa bagaimana pendidikan adalah hal yang utama dalam memajukan penglibatan yang kritikal oleh warganegara dalam demokrasi yang mempromosikan keadilan sosial dan literasi politik untuk semua.

Mohamad Agus (2008) menyatakan terdapat sedikit kegusaran apabila wujud gelombang undi protes dalam kalangan pengundi muda, pengundi intelektual, pengundi atas pagar dan pengundi kelas menengah yang dikategorikan sebagai pengundi kontemporari. Golongan ini adalah dari kalangan pengundi yang tidak berani mendedahkan perasaan tidak puas hati secara terbuka kepada pemerintah. Ini kerana sistem politik negara yang tidak toleran kepada kritikan dan teguran, manakala Mohd Fuad et al. (2009) mendapati tahap minat politik dalam kalangan belia IPT adalah rendah dan hanya 27.2 peratus yang mendaftar sebagai pengundi. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan kajian mengenai kesedaran dan perlakuan politik dalam kalangan mahasiswa di 11 IPT serata Malaysia.

Kajian oleh Fatimah Akmal & Ali (2015) mengenai partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru yang memfokuskan kepada penggunaan media baru sebagai medium yang memudahkan sebaran maklumat, dimana informasi boleh diakses tanpa sekatan. Kajian ini menunjukkan bahawa media baru disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan belia aktif dalam partisipasi politik secara *online* dan juga *offline*.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Nadeya dan Rugayah (2017), yang memberikan pandangan tentang sejauhmana penyertaan pelajar universiti dalam politik melalui penglibatan dalam talian. Kajian menunjukkan tahap penyertaan politik dalam talian yang tinggi dalam kalangan pelajar di Universiti Teknologi MARA dipengaruhi oleh faktor seperti kepentingan politik, kemahiran internet dan komunikasi melalui media sosial. Selain itu, penyertaan politik paling ramai adalah lingkungan anak muda yang berumur 22 hingga 25 tahun yang mendominasi 64.9 peratus responden manakala bagi umur 18 hingga 21 tahun hanya melibatkan 25.9 peratus sahaja dalam kalangan responden. Hal ini memberikan gambaran bahawa generasi muda berumur 18 hingga 21 tahun tidak cakna dan juga tidak berminat untuk berpartisipasi dalam politik dibandingkan dengan had umur generasi muda yang boleh mengundi sebelum ini iaitu 21 tahun dan ke atas.

Mengulas hubungkait antara literasi politik dan pendidikan, ramai pengkaji melalui pelbagai buku dan artikel jurnal mewacanakan hal ini dengan tuntas. Hopkins & Coster (2018) dalam artikel jurnalnya bertajuk *The Levellers, political literacy and contemporary Citizenship education in England* telah mengkaji konsep literasi politik sebagaimana yang diperkenalkan di dalam Laporan Crick 1998 dan kaitannya dengan kewarganegaraan dalam *English National Curriculum*. Kajian ini telah mendapati subjek literasi politik ini tidak cukup ditekankan dalam sistem kurikulum pendidikan walhal konsep literasi politik ini adalah sangat penting kepada para pelajar khususnya dalam mendepani konflik politik dan sosial baik di England atau di mana sahaja.

Selain itu, kajian oleh Mohamed Bincof (2018), mendapati bahawa golongan belia di Somalia mempunyai kepentingan tertentu dalam penyertaan politik. Golongan belia di Somalia menyatakan bahawa golongan pemimpin politik yang berkuasa mewakili kehendak kaum mereka daripada menggalakkan kepentingan negara. Golongan belia juga menyatakan bahawa penerapan sistem multi-parti di seluruh Somalia adalah penting dan menghapuskan politik berasaskan puak yang berasaskan kontemporari di Somalia.

Bagi kajian dalam negara pula, kajian terhadap literasi politik orang muda juga adalah pelbagai. Hal ini berikutan belia di Malaysia amat penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara. Menurut kajian Jasmi et al. (2018), literasi politik pengundi adalah disebabkan peranan yang dimainkan oleh media, sama ada media elektronik, media cetak, mahupun media sosial. Penulisan ini juga menunjukkan bahawa pengundi menunjukkan kefahaman tinggi dalam politik apabila mereka mampu menganalisis dan memberikan pandangan berkenaan dengan kuasa yang mereka ada sebagai seorang pemilih. Hal ini sekali gus berjaya merubah suasana atau trend pengundian pengundi apabila mereka tidak lagi mudah untuk percaya atau terpengaruh kepada sesuatu isu-isu politik tanpa membuat sebarang penilaian terhadap maklumat tersebut.

### **3. Metodologi**


#### **3.1 Kawasan kajian**

Kawasan kajian merupakan aspek yang paling penting dalam sesuatu kajian ilmiah geografi kerana jika dilihat kepada takrifan istilah geografi itu sendiri merujuk kepada ilmu pengkajian mengenai di manakah sesuatu terletak di permukaan bumi ini dan mengenai sebab-musabab berlakunya letakan itu. Lokasi sesuatu tempat dapat dibahagikan kepada empat cara iaitu nama tempat, letakan, kedudukan dan melalui lokasi matematik. Kajian ini dilakukan di Negeri Selangor iaitu di kawasan parlimen Sepang, DUN Dengkil yang merangkumi 23 kawasan Dewan Undangan Negeri DUN. Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil mempunyai 23 kawasan Daerah Mengundi (DM) iaitu Sungai Lempit, Bukit Canggang, Labuhan Dagang, Ampar Tenang, Kampung Baharu Dengkil, Kampung Dengkil, Pulau Meranti, Sungai Merab Utara, Kampung Dato' Abu Bakar baginda, Sungai Merab, Desa Putra, Jenderam Hilir, Sungai Buah, RTB Datok Harun, Ladang Ampar Tenang, Kampung Melot, Bandar Putra Perdana, Taman Permata Dengkil, Desa Air Hitam, Cyberjaya, Selangor Dredging, Desa Pinggiran Putra dan Kota Warisan (Lihat Rajah 1).

#### **3.2 Tata cara pengumpulan data**

Kaedah pengumpulan data primer dilakukan melalui kerja lapangan. Kaedah pengumpulan data melibatkan pengumpulan borang soal selidik, temu bual, rujukan data statistik dan pemerhatian di lapangan. Pengedaran borang soal selidik merupakan penyelidikan yang dilakukan di lapangan. Soal selidik yang akan digunakan oleh penyelidik adalah butiran responden dalam Bahagian A. Soalan dalam Bahagian B dan Bahagian C pula merangkumi penjelasan bagi objektif kajian. Temu bual pula dijalankan yang melibatkan perbualan antara penyelidik dengan responden yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Temu bual secara tidak formal dilakukan ke atas informan ketika mereka menjawab soal selidik semasa pengagihan set borang soal selidik. Rujukan data statistik digunakan bagi

memperoleh jumlah statistik daftar pemilih terkini mengikut kaum di kawasan kajian. Data statistik ini diperoleh melalui Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang terkini.



RAJAH 1. Peta Kawasan/Bahagian Pilihan Raya DUN (N.55) Dengkil, Sepang, Selangor

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

Selain itu, data statistik ini juga digunakan bagi melihat keputusan undi di setiap kawasan DUN. Pemerhatian merupakan satu daripada kaedah mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Dalam kajian ini, metod pemerhatian di lapangan turut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian. Melalui kaedah ini pengkaji dapat menemu bual beberapa orang responden bagi memenuhi objektif kajian. Kaedah kepustakaan ini merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian maklumat umum dengan kata kunci bagi sesuatu kajian. Bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan kajian ini, pengkaji telah pergi ke beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Tun Seri Lanang dan bilik sumber Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP). Kajian atas talian dilakukan bagi pencarian maklumat mengenai kajian ini melalui laman sesawang. Maklumat-maklumat data sekunder ini diperoleh berdasarkan pada bahan rujukan yang berkaitan seperti kertas persidangan, jurnal, laporan dan sebagainya

### 3.3 Analisis data

Penganalisan data pula melibatkan penggunaan perisian SPSS untuk menganalisis data primer iaitu borang soal selidik yang dianalisis mengikut keperluan objektif kajian. Data serta

maklumat yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik melalui program SPSS (*Statistic Package for Social Sciences*). Penggunaan program ini adalah untuk memudahkan analisis data berdasarkan angkubah yang dipersembahkan secara statistik mudah iaitu melalui peratusan dalam bentuk jadual serta graf yang sesuai.

#### **4. Dapatan dan Perbincangan**

##### **4.1 Latar Belakang Sosioekonomi Responden**

Dapatan data adalah berdasarkan kepada instrumen kajian yang telah digunakan iaitu soal selidik dan temu bual. Jadual 1 menunjukkan latar belakang sosioekonomi responden yang terdiri daripada jantina, status perkahwinan, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, pekerjaan pendapatan seluruh isi rumah sebulan, kawasan DUN dan lokasi mereka secara individu. Hasil kajian menunjukkan 58 peratus lelaki dan 42 peratus perempuan daripada keseluruhan 100 orang responden yang disoal selidik dan 51.9 peratus adalah terdiri daripada golongan anak muda. Hasil dapatan menunjukkan 97.5 peratus responden adalah Melayu.

##### **4.2 Pengetahuan dan Kefahaman Terhadap Politik**

Menurut Hands (1992), literasi politik merupakan pengetahuan dan pemahaman tentang proses politik dan isu politik, sesuatu pemahaman dan pengetahuan yang memungkinkan setiap warganegara dalam sesebuah negara menjalankan peranannya sebagai seorang warganegara. Peranan ini termasuklah apa yang disebutkan sebagai *political expertise* dan *political awareness*, yang membawa maksud sejauhmana seseorang warganegara itu mengambil tahu dan memahami situasi semasa politik dalam sesebuah negara tersebut. Hasil kajian mendapati sebanyak 40.7 peratus responden mengetahui tentang politik, manakala 27.2 peratus tidak tahu dan 32.1 peratus tidak pasti mengenai politik (Lihat Rajah 2).


Selain itu, pendapat yang dikemukakan oleh Bernard Crick (2000) juga tidak jauh beza, di mana Crick berpandangan bahawa literasi politik adalah pemahaman tentang konsep yang diambil dalam kehidupan seharian, dan bahasa adalah elemen yang penting dalam memahami sesebuah isu politik, keyakinan orang yang bertanding, dan bagaimana kecenderungan mereka untuk mempengaruhi diri sendiri dan juga orang lain. Melalui hasil kajian, responden yang mengetahui tentang politik berpendapat bahawa politik adalah proses dan cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan atau badan politik dan walaupun ia biasanya digunakan bagi merujuk kepada kerajaan, tingkah laku politik juga boleh didapati di korporat, akademik, agama dan institusi lain. Pendapat seterusnya politik ialah falsafah yang melibatkan sistem pemerintahan, ideologi dan prinsip. Politik mempunyai pengaruh ke atas sosial dan ekonomi sesuatu negara melalui sistem pemerintahan, pentadbiran awam dan polisi jangka pendek serta panjang negara. Selain itu, politik adalah suatu tindakan atau kegiatan yang berkaitan dengan tujuan mencapai maksud peribadi atau peningkatan kuasa seseorang di dalam kerajaan. Politik juga merupakan kuasa, pembentukan dan pelaksanaan dasar dalam sesebuah negara dan politik adalah sebuah cabang ilmu mengenai pengaruh kuasa terhadap pengurusan sekumpulan individu dan kesannya terhadap manusia dan alam sekitarnya.

JADUAL 1. Latar Belakang Sosioekonomi Responden

	Latar belakang sosioekonomi responden	Peratus (%)	
<b>Jantina</b>	Lelaki	58	
	Perempuan	42	
<b>Status Perkahwinan</b>	Bujang	45.7	
	Berkahwin	53.1	
	Janda	0	
	Duda	1	
<b>Umur</b>	15-20	27.2	
	21-25	18.5	
	26-30	2.5	
	31-35	3.7	
	36-40	8.6	
	41-45	18.5	
	46-50	13.6	
	51 dan ke atas	7.4	
<b>Bangsa</b>	Melayu	97.5	
	Cina	0	
	India	0	
	Bumiputera Sabah Bumiputera Sarawak	1.2 1.2	
<b>Agama</b>	Islam	100	
	Buddha	0	
	Hindu	0	
	Kristian	0	
<b>Tahap Tertinggi Pendidikan</b>	Tiada kelulusan	1.2	
	Penilaian Darjah Lima/UPSR	3.7	
	SRP/LCE/PMR	3.7	
	MCE/SPM	48.1	
	STP/HSC/STPM/ STAM	13.6	
	Sijil	7.4	
	Diploma	9.9	
	Ijazah Sarjanamuda	12.3	
	<b>Pekerjaan</b>	Kakitangan Kerajaan	8.6
		Kakitangan Swasta	16.0
		Kilang	9.9
		Buruh	0
		Sendiri	14.8
Berniaga		9.9	
Pesara		0	
Belajar		21.0	
Suri Rumah		12.3	
Tidak Bekerja		7.4	
<b>Pendapatan Isi Rumah</b>	RM 1,000 dan ke bawah	34.6	
	RM 1,001 – RM 2,000	30.9	
	RM 2,001 – RM 3,000	17.3	
	RM 3,001 – RM 4,000	9.9	
	RM 4,001 – RM 5,000	2.5	
	RM 5,001 dan ke atas	4.9	
<b>Lokasi</b>	Bandar	74.1	
	Luar Bandar	25.9	

Sumber: Soal selidik 2019





RAJAH 2. Pengetahuan Mengenai Maksud 'Politik' (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2019

### 4.3 Pendapat Umum Mengenai Pengetahuan Politik

Jadual 2 menunjukkan pendapat umum mengenai pengetahuan politik. Pernyataan 'Pengetahuan politik yang salah akan menghasilkan keputusan politik yang merugikan' menunjukkan bahawa sebanyak 79 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Seterusnya 67.9 peratus bersetuju bahawa pengetahuan mengenai politik yang baik dan berakhlak perlu dirujuk kepada pihak yang pakar seperti ahli akademik dan lain-lain. Selain itu, sebanyak 55.6 peratus responden bersetuju mengenai kehidupan rakyat seharian lebih penting berbanding isu politik. Seterusnya, pernyataan mengenai sesetengah pengundi tahu isu politik yang sebenar namun mereka tidak mepedulikan isu tersebut sebaliknya lebih mementingkan kemenangan parti politik yang mereka suka adalah 54.3 peratus responden bersetuju, manakala hasil dapatan mengenai pernyataan 'Dengan pengetahuan yang ada, pengundi di Malaysia membuat sesuatu keputusan politik dengan waras dan rasional' adalah sebanyak 51.9 peratus responden bersetuju.

JADUAL 2. Pendapat Umum Mengenai Pengetahuan Politik (Peratus)


Pernyataan	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
Pengetahuan politik yang salah akan menghasilkan keputusan politik yang merugikan.	79.0	3.7	17.3
Pengetahuan mengenai politik yang baik dan berakhlak perlu dirujuk kepada pihak yang pakar seperti ahli akademik dan lain-lain.	67.9	4.9	27.2
Kehidupan rakyat seharian lebih penting berbanding isu politik.	55.6	19.8	24.7

Sesetengah pengundi tahu isu politik yang sebenar namun mereka tidak mempedulikan isu tersebut sebaliknya lebih mementingkan kemenangan parti politik yang mereka suka.	54.3	25.9	19.8
Dengan pengetahuan yang ada, pengundi di Malaysia membuat sesuatu keputusan politik dengan waras dan rasional.	51.9	23.5	25.9
Rakyat di Malaysia berpengetahuan dalam hal ehwal politik di negara ini.	50.6	23.5	25.9
Sesetengah rakyat di negara ini langsung tidak tahu mengenai isu politik semasa yang berlaku.	44.4	35.8	19.8
Rakyat Malaysia tahu mengenai politik namun tidak mengambil kisah tentang isu tersebut.	39.5	27.2	33.3
Maklumat dan pengetahuan daripada media bercetak, elektronik dan media sosial adalah tepat dan boleh dijadikan asas untuk membuat keputusan politik.	33.3	34.6	32.1
Isu politik hanya perlu diselesaikan oleh orang politik.	33.3	40.7	25.9

Sumber: Soal selidik 2019

#### 4.4 Kefahaman Mengenai Politik

Politik merupakan satu cabang ilmu yang bermaksud suatu seni atau kebijaksanaan dan pengetahuan bagaimana untuk memerintah. Walau bagaimanapun tafsirannya berubah-ubah mengikut orang yang membuat tafsiran itu dan tujuan sesuatu kajian itu dijalankan. Berdasarkan dapatan mengenai kefahaman responden tentang politik, sebanyak 35.8 peratus responden faham mengenai politik, manakala 19.8 peratus tidak faham dan 44.4 tidak pasti mengenai politik (Lihat Rajah 3).



RAJAH 3. Kefahaman mengenai politik

Sumber: Soal Selidik 2019

Kefahaman mengenai politik setiap orang berbeza-beza, responden yang memahami politik kerana meminati politik sejak daripada kecil dan sentiasa membaca untuk menambah kefahaman konsep politik, teori dan falsafah politik. Selain itu, penting untuk memahami politik bagi menambah informasi untuk pembangunan sendiri dan masyarakat. Responden yang tidak faham mengenai politik berpendapat bahawa politik ini menyebabkan banyak krisis yang berlaku yang akhirnya membebankan rakyat. Seterusnya, responden yang tidak faham politik ini juga keliru sama ada politik sebenarnya untuk kepentingan ahli politik atau untuk kebaikan rakyat. Apabila banyak perkara yang tidak enak berlaku dalam hal politik, responden juga berpendapat bahawa banyak perkara yang kabur dalam memastikan ketelusan politik.

#### 4.5 Pendapat Umum Tentang Literasi/Kefahaman Politik

Berdasarkan Jadual 3, pernyataan pendapat umum mengenai pengetahuan politik berkaitan seseorang pengundi sepatutnya membuat rujukan tambahan sebelum mempercayai sesuatu isu politik dan setiap individu perlu membuat penilaian yang sewajarnya sebelum mempercayai dan menyebarkan maklumat sesuatu isu politik kepada pihak lain mendapati sebanyak 81.5 peratus bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, bagi pernyataan rakyat Malaysia perlu matang dan rasional dalam menilai sesuatu isu politik di negara ini sebanyak 77.8 peratus bersetuju. Hal ini penting bagi mengelakkan rakyat membuat keputusan yang tidak matang dan menyebarkan berita palsu yang akan mempengaruhi orang lain mengenai isu-isu politik. Seterusnya, 75.3 peratus responden bersetuju bahawa sesuatu keputusan politik yang baik adalah berlandaskan kepada literasi atau kefahaman terhadap politik, manakala sebanyak 69.1 peratus responden bersetuju bahawa rakyat yang faham politik akan membentuk mentaliti kelas pertama serta membentuk situasi politik yang harmoni serta bermanfaat kepada semua pihak.

JADUAL 3. Pendapat Umum Mengenai Pengetahuan Politik (Peratus)

Pernyataan	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
Seseorang pengundi sepatutnya membuat rujukan tambahan sebelum mempercayai sesuatu isu politik.	81.5	4.9	13.6
Setiap individu perlu membuat penilaian yang sewajarnya sebelum mempercayai dan menyebarkan maklumat sesuatu isu politik kepada pihak lain.	81.5	4.9	13.6
Rakyat Malaysia perlu matang dan rasional dalam menilai sesuatu isu politik di negara ini.	77.8	6.2	16.0
Sesuatu keputusan politik yang baik adalah berlandaskan kepada literasi atau kefahaman terhadap politik.	75.3	6.2	18.5
Rakyat yang faham politik akan membentuk mentaliti kelas pertama serta membentuk situasi politik yang harmoni serta bermanfaat kepada semua pihak.	69.1	9.9	21.0
Literasi politik boleh memainkan peranan aktif dalam merealisasikan demokrasi berkualiti yang lebih sihat dan lebih baik.	69.1	11.1	19.8

Literasi politik adalah pemahaman tentang konsep yang diambil dalam kehidupan seharian dan bahasa adalah elemen yang penting dalam memahami sesebuah isu politik, keyakinan orang yang bertanding, dan bagaimana kecenderungan mereka untuk mempengaruhi diri sendiri dan juga orang lain.	63.0	3.7	33.3
Literasi politik bukan hanya pengetahuan politik, malah merupakan cara untuk menjadikan warga negara berkesan dalam kehidupan awam dan pemacu untuk menjadi aktif dan berpartisipasi secara rasmi dan di arena awam yang bersifat sukarela.	63.0	8.6	28.4
Kesedaran terhadap politik yang tinggi akan menghasilkan literasi politik yang tinggi.	65.4	6.2	28.4
Literasi politik yang baik pada dasarnya adalah gabungan yang kukuh daripada pengetahuan, kemahiran, keterampilan, dan sikap terhadap politik.	65.4	3.7	30.9
Literasi politik juga merujuk kepada pemahaman rakyat terhadap politik itu sendiri, dan aspek-aspek yang berkaitan dengan konsep negara, kuasa, membuat keputusan, dasar umum, pembahagian, dan peruntukan yang menjadi perkara utama yang mesti difahami oleh rakyat untuk terlibat secara aktif dalam politik.	64.2	8.6	27.2
Literasi politik yang baik bergantung kepada pelaksanaan pendidikan politik yang sebahagian besarnya ditentukan oleh interaksi pengalaman dan keperibadian, persekitaran sosial, budaya, dan situasi ekonomi rakyat itu sendiri.	58.0	4.9	37.0
Literasi politik merupakan kemahiran mencari, menggunakan, dan menilai maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah politik.	56.8	12.3	30.9
Literasi politik tidak semestinya ditafsirkan secara sempit dalam perspektif kajian teks, tetapi juga dalam kognisi sosial dan konteks sosial, iaitu pertumbuhan masyarakat yang rasional dan berpendidikan.	56.8	4.9	38.3
Literasi politik adalah pemahaman praktikal tentang konsep yang diambil dari kehidupan seharian dan bahasa.	50.6	8.6	40.7

---

Sumber: Soal Selidik 2019

#### 4.6 Peranan Institusi Dan Media Dalam Menerapkan Literasi/Kefahaman Politik

Literasi Politik merupakan suatu petanda aras kepada keharmonian dan perpaduan di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia. Hal ini kerana penting bagi rakyat mempunyai kefahaman yang jitu dalam ilmu berbentuk politik sebelum menyertai lapangan politik seperti penglibatan dalam pilihan raya atau penyertaan aktiviti dalam parti secara sukarela. Justeru itu, institusi dan media memainkan peranan yang penting dalam menerapkan literasi politik dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 85.2 peratus bersetuju bahawa media memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan literasi politik golongan muda. Selain itu, pernyataan mengenai isu keadilan sosial adalah berkaitan demokrasi sebanyak 69.1 peratus bersetuju, manakala sebanyak 64.2 peratus bersetuju bahawa pengalaman sekolah atau universiti memberi impak kepada pemikiran mengenai politik. Seterusnya, pendidikan sekolah atau universiti mempromosikan pemahaman tentang demokrasi dengan baik sebanyak 63 peratus bersetuju. Hal ini jelas menunjukkan peranan institusi dan media sangat penting bagi mewujudkan komunikasi untuk mencari ruang menyebarkan dan bertukar pandangan dengan masyarakat bagi meningkatkan kefahaman politik.

JADUAL 4. Peranan Institusi Dan Media Dalam Menerapkan Literasi/Kefahaman Politik (Peratus)

Pernyataan	Ya	Tidak
Media memainkan peranan penting dalam meningkatkan literasi politik golongan muda	85.2	14.8
Pada hemat anda, isu keadilan sosial adalah berkaitan demokrasi	69.1	30.9
Pengalaman sekolah/universiti anda memberi impak kepada pemikiran anda mengenai politik	64.2	35.8
Pendidikan sekolah/universiti anda mempromosikan pemahaman tentang demokrasi dengan baik	63.0	37.0
Menurut perspektif anda, sistem pendidikan di Malaysia mengajar mengenai demokrasi dengan baik	59.3	40.7
Semasa berada di sekolah/universiti, guru anda menimbulkan isu yang berkaitan dengan politik	50.6	49.6

Sumber: Soal Selidik 2019

#### 4.7 Kefahaman Mengenai 'Demokrasi'

Demokrasi adalah suatu ideologi politik yang lahir dari evolusi pemikiran liberalisme yang menekankan kepada kebebasan dan kedaulatan yang mengagung-agungkan individualisme. Perkembangan fahaman ini dicetuskan oleh ahli falsafah Greek-Yunani mendapat tempat dalam masyarakat dan seterusnya dijadikan idealisme global. Sesebuah negara untuk digelar sebagai negara demokrasi harus menonjolkan tujuh ciri-ciri utama; pertama, wujudnya kebebasan bersuara, media massa yang bebas dan berkecuali, pilihan raya diadakan secara konsisten, bebas dan adil, ada kebebasan berorganisasi dan berpersatuan, pemerintahan berasaskan majoriti, hak golongan minoriti dihormati dan akhir sekali wujud badan kehakiman yang senantiasa bebas dan berkecuali (Zaini, 2006).

Berdasarkan dapatan kajian mengenai kefahaman responden mengenai makna demokrasi, majoriti responden berpendapat bahawa demokrasi ialah suatu bentuk kerajaan dengan kuasa menggubal undang-undang dan struktur kerajaan ditentukan oleh rakyat. Dalam sistem demokrasi, undang-undang digubal sama ada oleh rakyat atau wakil yang dipilih oleh rakyat. Sebuah negara atau kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi dipanggil negara atau kerajaan yang demokratik. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa demokrasi adalah sebuah sistem pentadbiran moden yang mengutamakan mandat dan suara rakyat. Demokrasi juga adalah satu cara membuat satu keputusan berdasarkan undian yang dipilih beramai-ramai secara majoriti. Negara yang mengamalkan demokrasi memberikan hak bersuara kepada rakyat serta memperjuangkan keadilan sosial bagi kesejahteraan masyarakat.

#### 4.8 Kepentingan Pilihan Raya Untuk Sebuah Negara Berdemokrasi


Pilihan raya merupakan satu alat yang digunakan di negara demokrasi untuk memilih calon atau pemimpin dalam konteks yang bebas dan adil bagi melayakkannya membentuk Kerajaan dan memerintah, berdasarkan kuasa politik yang diberikan kepadanya (Mohd. Foad, 1997).

Justeru itu, pilihan raya menjadi satu mekanisme penting bagaimana pemilihan individu itu mampu diterjemahkan kepada hasilnya (pembentukan kerajaan).

Berdasarkan dapatan, majoriti responden berpendapat pilihan raya adalah penting untuk sesebuah negara yang berdemokrasi kerana pilihan raya adalah satu proses demokrasi di mana undian digunakan untuk memilih calon yang sesuai untuk mewakili rakyat di Parlimen. Pilihan raya merupakan sebuah mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan sebagai penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan. Pemilihan ini adalah berdasarkan undian dan sokongan daripada rakyat. Selain itu, pilihan raya adalah proses pendemokrasian. Asasnya, demokrasi tidak akan wujud tanpa elemen pilihan raya. Walaupun wujud isu pilihan raya yang tidak bersih, namun asas demokrasi ialah wujudnya sebuah jalan untuk memilih. Justeru itu, pilihan raya adalah penting untuk memastikan negara terus berada dalam keadaan yang baik.

#### 4.9 Penerimaan Terhadap Penurunan Had Umur Mengundi

Pasca PRU 2018 menyaksikan Kerajaan PH telah mengubal undang-undang di Parlimen untuk menurunkan had umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun dan berjaya mendapat sokongan daripada ahli Parlimen termasuk daripada parti pembangkang iaitu Barisan Nasional dan PAS. Hal ini menimbulkan pelbagai polemik dari segi penerimaan dan kesediaan remaja yang berumur 18 tahun tersebut untuk berpartisipasi dalam politik pilihan raya, kematangan mereka dalam membuat keputusan politik, pertambahan jumlah pemilih, peningkatan kos pengendalian pilihan raya, pertambahan kakitangan pengurusan pilihan raya serta kesesuaian logistik dan pelbagai lagi implikasi lain yang bakal dihadapi hasil daripada penguatkuasaan had umur 18 tahun ini.



RAJAH 4. Penerimaan Terhadap Penurunan Had Umur Mengundi

Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan Rajah 4, sebanyak 29.6 peratus responden yang bersetuju mengenai penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun, manakala 46.9 peratus tidak bersetuju dan 23.5 peratus tidak pasti. Responden yang bersetuju bagi penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun berpendapat penurunan had umur mengundi ini akan memberi peluang

kepada golongan muda memperjuangkan negara, agama serta memberi peluang kepada golongan muda untuk memilih pemimpin negara dan secara tidak langsung akan meningkatkan literasi politik golongan muda.

Seterusnya, bagi responden yang tidak bersetuju dengan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun berpendapat bahawa pemikiran golongan berumur 18 hingga 19 tahun masih tidak matang, tidak memikir secara menyeluruh dan mudah terpedaya oleh manifesto yang tidak masuk akal. Tahap pengetahuan tentang politik individu bawah 18 tahun di Malaysia tidak memuaskan dan mereka yang berumur 18 tahun ini masih tidak matang dalam menentukan keputusan. Responden juga berpendapat bahawa umur 18 tahun mereka belum mampu untuk mengimbangi kelebihan dan keburukan sesebuah parti politik. Golongan muda juga adalah golongan yang mudah terpengaruh.

#### **4.10 Impak Penurunan Had Umur Mengundi Daripada 21 Tahun Kepada 18 Tahun**

Penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun sudah jelas akan memberi impak sama ada baik atau buruk kerana bilangan pengundi pertama akan meningkat. Ada sesetengah pihak yang bersetuju dengan penurunan had umur mengundi kerana mereka berpendapat hal ini akan memberi peluang kepada golongan muda untuk bersuara dan memilih pemimpin. Namun, tidak semua mereka yang berumur 18 tahun ini meminati politik dan kekurangan mereka memahami politik akan memberi kesan kepada keputusan politik.

Berdasarkan impak penurunan had umur mengundi, responden berpendapat penurunan had umur mengundi akan menambah jumlah pengundi. Hal ini juga akan mengubah landskap atau corak mengundi di Malaysia kerana keutamaan dan kecenderungan belia berbeza dengan pengundi yang lebih berumur. Bukan itu sahaja, malahan hal ini akan mengganggu pengurusan perkembangan ekonomi Malaysia kerana golongan yang berumur 18 tahun ini mudah terpengaruh dengan sesebuah badan politik yang tidak teguh. Jika umur layak mengundi di Malaysia diturunkan daripada 21 kepada 18 tahun, rang undang-undang perlu diperkenalkan di Parlimen untuk meminda Perlembagaan Persekutuan kerana hal ini akan menghuru-harakan perlembagaan negara. Seterusnya, responden juga berpendapat remaja 18 tahun tidak sesuai untuk berpolitik kerana mereka kurang matang dan perlu banyak lagi belajar mengenai politik kerana pada umur 18 tahun ini, mereka cenderung untuk bertindak secara melulu tanpa berfikir lebih mendalam.

#### **4.11 Reaksi Terhadap Penurunan Had Umur Mengundi Daripada 21 Tahun Kepada 18 Tahun**

Penurunan had umur calon diseragamkan dengan penurunan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Umur 18 tahun dianggap matang selaras dengan Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21). Perkara ini memberi pelbagai reaksi sebagai langkah persediaan dan kerajaan perlu melakukan langkah awal sebelum pelaksanaan penurunan had umur mengundi ini. Berdasarkan jadual 5 iaitu reaksi terhadap penurunan had umur mengundi, sebanyak 56.8 peratus responden bersetuju bahawa pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu bersedia dengan penambahan jumlah pemilih akibat penurunan umur mengundi. Kesesuaian logistik atau tempat mengundi perlu menjadi pertimbangan penting akibat penambahan pengundi hasil penurunan umur mengundi adalah 53.1 peratus bersetuju. Selain itu, sebanyak 49.4 peratus responden bersetuju dengan penambahan kakitangan pengurusan pilihan raya akan menambahkan kos dan ini berbaloi untuk memperkasakan sistem pilihan raya di negara ini.

Pernyataan mengenai pertambahan pemilih akibat penurunan umur mengundi menyebabkan peningkatan kos pengendalian pilihan raya dan ini adalah wajar bagi membuka ruang kepada penambahan rakyat di negara ini untuk berpartisipasi dalam politik demokrasi adalah sebanyak 45.7 peratus responden bersetuju (Lihat Jadual 5).

JADUAL 5. Reaksi Terhadap Penurunan Had Umur Mengundi Daripada 21 Tahun Kepada 18 Tahun (Peratus)

Pernyataan	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
Pihak SPR perlu bersedia dengan pertambahan jumlah pemilih akibat penurunan umur mengundi tersebut.	56.8	12.3	30.9
Kesesuaian logistik atau tempat mengundi perlu menjadi pertimbangan penting akibat pertambahan pengundi hasil penurunan umur mengundi tersebut.	53.1	16.0	30.9
Pertambahan kakitangan pengurusan pilihan raya akan menambahkan kos dan ini berbaloi untuk memperkasakan sistem pilihan raya di negara ini.	49.4	19.8	30.9
Pertambahan pemilih akibat penurunan umur mengundi menyebabkan peningkatan kos pengendalian pilihan raya dan ini adalah wajar bagi membuka ruang kepada penambahan rakyat di negara ini untuk berpartisipasi dalam politik demokrasi.	45.7	19.8	34.6
Peratusan keluar mengundi akan meningkat hasil penurunan umur mengundi tersebut.	45.7	22.2	32.1
Remaja yang berumur 18 tahun tersebut dapat menerima dan bersedia untuk berpartisipasi dalam politik pilihan raya.	29.6	44.4	44.4
Remaja yang berumur 18 tahun matang dalam membuat keputusan politik.	24.7	46.9	28.4
Penurunan umur mengundi kepada 18 tahun akan memberi kelebihan kepada Kerajaan PH.	23.5	24.7	51.9

Sumber: Soal Selidik 2019

#### 4.12 Perbincangan

Terdapat beberapa penemuan penting telah diperoleh dan fokus perbincangan merujuk kepada dapatan kajian. Hasil kajian mendapati hanya 40.7 peratus responden mengetahui maksud politik dan 35.8 peratus responden mempunyai tahap kefahaman tentang politik di mana mereka memahami beberapa perkara asas sahaja mengenai sistem politik di Malaysia. Menurut Hands (1992), literasi politik adalah pengetahuan dan pemahaman tentang proses politik dan isu politik, sesuatu pemahaman dan pengetahuan yang memungkinkan setiap warganegara dalam sesebuah negara menjalankan peranannya sebagai seorang warganegara. Peranan ini termasuklah apa yang disebutkan sebagai *political expertise* dan *political awareness*, yang membawa maksud sejauhmana seseorang warganegara itu mengambil tahu dan memahami situasi semasa politik dalam sesebuah negara tersebut. Justeru, Hands jelas menerangkan bahawa peranan sebagai seorang warganegara dalam menjalankan tanggungjawab kewarganegaraan dalam wilayah yang diduduki mereka hanya akan dapat dibentuk melalui literasi politik. Jelaslah bahawa literasi politik pengundi penting kerana hal ini membentuk situasi politik yang harmoni serta bermanfaat kepada semua pihak.

Penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun secara tidak langsung akan menambah bilangan pengundi pertama di mana pengundi pertama merupakan individu yang pertama kali menunaikan tanggungjawab mereka untuk memangkah calon dan



parti yang dirasakan layak untuk menjadi pucuk pimpinan pemerintahan negara. Latar belakang dan pengaruh keluarga menjadi penentu kepada corak pengundian pertama ini. Namun, perubahan semasa memperlihatkan keputusan pengundian pengundi pertama yang rata-ratanya terdiri dari pengundi muda lebih dipengaruhi oleh pendirian ideologi, kecenderungan terhadap calon tertentu, pandangan tentang parti tertentu, isu tempatan dan isu keagamaan (Amer Saifude 2009).

Selain itu, institusi dan media memainkan peranan yang penting dalam menerapkan literasi/kefahaman politik kepada masyarakat. Apabila had umur diturunkan kepada 18 tahun, institusi seperti sekolah dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu mempromosikan pemahaman tentang politik dengan baik. Berdasarkan hasil dapatan kajian, sebanyak 64.2 peratus responden yang mengatakan ya bahawa pengalaman sekolah/universiti memberi impak kepada pemikiran mengenai politik. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah sebelum pelaksanaan penurunan had umur mengundi ini antaranya SPR juga melalui Akademi Pilihan Raya telah melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran terhadap proses demokrasi dan pilihan raya melibatkan kumpulan sasar seawal pelajar sekolah rendah, menengah, institut pengajian tinggi serta kumpulan masyarakat tertentu seperti orang awam dan parti politik dan Kementerian Belia Sukan (KBS) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Anak Muda yang dianggotai oleh Ketua-ketua Pemuda/Pemudi parti politik utama bagi mendapatkan maklum balas/pandangan mengenai cadangan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dan membincangkan isu-isu semasa yang melibatkan belia. Selanjutnya, sebanyak 85.2 peratus responden bersetuju bahawa media memainkan peranan penting dalam meningkatkan literasi politik golongan muda. Oleh itu, media massa seharusnya menjadi saluran penyampaian maklumat-maklumat politik yang baik kepada orang awam (Tabroni 2012).

Penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun jelas menimbulkan pelbagai persepsi masyarakat. Ada pihak yang bersetuju dan ada pihak yang tidak bersetuju mengenai pelaksanaan ini. Hasil kajian mendapati hanya 29.6 peratus responden bersetuju dengan pelaksanaan penurunan had umur mengundi dan sebanyak 46.9 peratus responden tidak bersetuju. Persoalan utamanya adalah tahap kematangan golongan muda yang berumur 18 tahun ini untuk terlibat dalam politik dan sebagai pengundi. Namun begitu, golongan belia berumur 18 tahun telah diberikan beberapa hak untuk membuat keputusan penting dalam kehidupan mereka. Menurut Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) membenarkan belia berumur 18 tahun untuk berkahwin, bekerja, memperolehi lesen memandu kenderaan, menyertai pasukan beruniform seperti Angkatan Tentera, Bomba, Polis Di-Raja Malaysia dan sebagainya, menandatangani kontrak/pinjaman dan dibicarakan sebagai pesalah dewasa sekiranya melakukan jenayah. Justeru itu, tidak wajar untuk kita memukul rata terhadap golongan muda ini bahawa keseluruhan golongan muda ini tidak matang kerana terdapat juga individu yang berusia yang tidak matang dalam membuat keputusan.

## **5. Rumusan dan cadangan**

Kesimpulannya, pelaksanaan penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun menimbulkan pelbagai persepsi daripada masyarakat. Mereka yang bersetuju dengan pelaksanaan ini berpendapat bahawa pelaksanaan ini akan memberi peluang golongan muda untuk bergiat aktif dalam politik dan dapat mengetengahkan suara anak muda. Selain itu, bagi mereka yang tidak bersetuju berpendapat golongan muda berusia 18 tahun ini tidak matang dan akan memberi kesan kepada keputusan politik negara. Berdasarkan dapatan kajian,

pengetahuan dan kefahaman terhadap politik masih berada pada tahap yang sederhana. Hal ini jelas menunjukkan bahawa literasi/kefahaman politik penting bagi semua masyarakat tidak kira umur kerana jika mereka yang lebih berusia masih mempunyai tahap literasi politik yang rendah, maka hal ini akan membentuk situasi politik yang tidak harmoni. Rasional had umur diturunkan adalah bagi memberikan peluang kepada seseorang individu untuk memilih wakil rakyat yang akan mewakili kepentingan mereka. Penurunan umur mengundi ini akan meningkatkan penyertaan belia sebagai warga bertanggungjawab dalam menyumbang kepada demokrasi dan pembangunan negara dan membantu belia mempertingkatkan literasi demokrasi dan kematangan melalui pendedahan kepada pengurusan tadbir urus negara.

Institusi memainkan peranan yang penting dalam menerapkan literasi/kefahaman politik. Subjek mata pelajaran yang menyentuh mengenai politik perlu difokuskan bermula daripada peringkat sekolah. Mereka perlu diajar tentang bagaimana membuat penilaian terhadap sesuatu berita atau isu supaya mereka tidak mudah terpedaya dengan berita yang palsu dan lebih kritis dalam membahaskan sesebuah isu terutamanya isu politik. Tambahan pula, lambakan maklumat dalam media sosial menyebabkan pentingnya golongan muda untuk membuat penilaian yang lebih kritis dan perlu dididik daripada peringkat sekolah lagi. Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga perlu turut serta dalam usaha meningkatkan kesedaran belia terhadap kepentingan mengundi.

Selain itu, media memainkan penting dalam menerapkan literasi politik yang boleh dilaksanakan melalui kempen kesedaran politik. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan kempen kesedaran dengan tema 'Undi 18' dan membangunkan laman sesawang [www.undilapanbelas.my](http://www.undilapanbelas.my) bagi meninjau sokongan dan maklum balas daripada umum. Merdeka Centre dan Watan pula telah melancarkan kempen 'UndiPertamaku' untuk berkongsi pengalaman mengundi bagi tujuan memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia khususnya para belia tentang tanggungjawab mereka dan memberi pendedahan mengenai proses pilihan raya di Malaysia. Oleh itu, peranan institusi dan media penting bagi meningkatkan literasi politik dalam masyarakat dan hal ini bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang terbuka yang boleh menerima dan hidup dalam kepelbagaian.

## Rujukan

- Adelson, Joseph, and Robert P O Neil. (1966). Growth of Political Ideas in Adolescence. *Journal of Personality and Social Psychology*. 4(3), 295–306.
- Akmal, Fatimah, and Ali Salman. (2015). "Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(1): 81–100.
- Atory, Hussain Ahmad. *Dimensi Politik Melayu: Antara Kepentingan Dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan, Bahari. (1995). *Belia Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Benjamin, Kirshner, L. O'Donoghue Jennifer & McLaughlin Milbrey. (2002). *New Directions for Youth Development*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Boyman, Siti Noranizahhafizah. (2013). Political Trends Among Women Youths in Perak. *Perspektif*. 16(7), 1–15.
- Cassel, Carol A., & Celia C. Lo. (1997). Theories of Political Literacy. *Political Behavior*. 19(4), 31–35.
- Chua, Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Dalton, Russell J. (1984). Cognitive Mobilization and Partisan Dealignment in Advanced

- Industrial Democracies. *The Journal of Politics*. 46(1), 264–84.
- David, Denver, & Hands Gordon. (1992). *Issues and Controversies in British Electoral Behaviour*. Prentice-Hall.
- Dennis, Kavanagh. (1987). *Budaya Politik*. ed. Md. Rejab Samaruddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dudley, Robert L., & Alan R. Gitelson. (2002). From Periphery to Center: Pathways for Youth Civic Engagement in the Day-To-Day Life of Communities. *Applied Developmental Science*. 6(4), 189–95.
- Fadzil, Mohd Fauzi B., & Ku Hasnita Ku Samsu. (2015). Student Activism and the 13th Malaysian General Election: The Second Civil Society Wave after 1969. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 23(1), 105–28.
- Hartshorne. (1954). *Geopolitical Traditions: A Century of Geopolitical Thought*. London: Routledge, Taylor and Francis Group.
- Howard, Elcock. (1976). *Political Behavior*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Hussain, Mohamed. (1997). *Belia Di Malaysia*. Kuala Lumpur: ANEKA publishing.
- Kusuma, Bayu Mitra A. (2018). “Literasi Politik Menuju Tahun Demokrasi.” *STIA Blitz* (October).  
[https://www.researchgate.net/publication/328556350\\_LITERASI\\_POLITIK\\_MENUJU\\_TAHUN\\_DEMOKRASI/download](https://www.researchgate.net/publication/328556350_LITERASI_POLITIK_MENUJU_TAHUN_DEMOKRASI/download).
- Laporan Penyata Rasmi Dewan Negara Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua Mesyuarat Kedua. (2019). <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-25072019.pdf>.
- Laporan Penyata Rasmi Mesyuarat Pertama. (2019). (Halaman 1).
- Mazli, Mamat, Abdul Rahman Abdul Razak, and Abdullah Abdul Rashid. (2016). Penglibatan Mahasiswa Melayu Universiti Awam Dalam Politik Di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 23–31.
- Mohamed, Bincof. (2018). The Role of Youth in Political Participation in Somalia. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*. 23(10): 64–74.
- Moten, Abdul Rashid. (2013). Secular Dealignment and Party System Transition in Malaysia. *Japanese Journal of Political Science*. 14(4), 473–97.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Persepsi Politik Belia Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 7(5), 105–15.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2017). Pembangunan Sosioekonomi Dan Pandangan Belia Terhadap Isu Semasa Di Kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 8(2): 67–76.
- Rob, White, and Wyn Johanna. (2008). *Youth and Society*. Third Edit. Oxford University Press.
- Said, Md. Salleh Md., Leo Agustino, Mohammad Agus Yusoff, And Jayum Jawan. (2011). Masyarakat Sivil Dan Pendemokrasian: Perbincangan Konseptual. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 38(December), 119–37.
- Samsi, Abdul Hadi, & Amaludin A B Rahman. (2013). Persepsi Belia Terhadap Parti Politik Dan Tahap Penglibatan Politik Di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 9, 107–20.
- Shamsul, A B. (2015). ‘Nations-of-Intent in Malaysia’ in Asian Forms of the Nation, Edited by Stein Tonnesson and Han Antlov, London: Curzon 1996. (January 1996).
- Shan, Gan Pei, and Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2015). Pengaruh Media Massa Ke Atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 63–89.
- Shiratuddin, Norshuhada. (2016). Generation Y’s Political Participation and Social Media in

- Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 32(1), 246–62.
- Siti Shariyah Shaari, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2017). Analisis Keberkesanan Subjek Hubungan Etnik Sebagai Pencetus Literasi Politik: Kajian Ke Atas Mahasiswa Unikl MIIT. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 2(2), 26–33.
- Tabroni, Roni. (2012). Etika Komunikasi Politik Dalam Ruang Media Massa. *Etika Komunikasi Politik dalam Ruang Media Massa*. 10(2), 105–16.
- UNDESA. (2012). Youth, Political Participation And Decision-Making. *United Nations Youth*: 1–8.
- Zainon, Nadeya, Rugayah Hashim & Nursyahida Zulkifli. (2017). Political Voice of Young Malaysians: Online Political Participation among University Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7(8), 649–54.